

13 JAN 2000

Mahkamah-Harakah (Bergambar)

EDITOR DAN PENCETAK HARAKAH MENGAKU TIDAK BERSALAH

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Editor akhbar Harakah, Zulkifli Sulong dan pencetak akhbar itu, Chea Lim Thye hari ini mengaku tidak bersalah di mahkamah terhadap tuduhan melakukan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.

Zulkifli, 37, dihadapkan di Mahkamah Sesyen di sini terhadap tuduhan menerbitkan berita berunsur hasutan berhubung konspirasi polis dan Peguam Negara dalam kes liwat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Manakala Chea, 62, dihadapkan di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya atas tuduhan mencetak berita berkenaan.

Zulkifli, selaku penyunting akhbar dan Chea dituduh melakukan kesalahan itu dalam artikel bertajuk "Liputan pengakuan Sukma hina dan jahat - Dr Chandra" yang disiarkan di akhbar rasmi PAS itu pada 2 Ogos 1999 di muka surat 40.

Berita itu merujuk kepada pengakuan adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaatmadja, yang beliau diliwat oleh Anwar tetapi Sukma kemudiannya menarik balik pengakuan itu kerana mendakwa polis memaksanya untuk membuat pengakuan itu.

Mereka meminta dibicarakan terhadap tuduhan berkenaan. Kedua-dua mereka dibenarkan ikat jamin.

Zulkifli dan Chea didakwa melakukan satu kesalahan di bawah Sekyen 4 (1) (c) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4 (1) akta yang sama yang membawa hukuman maksimum penjara tiga tahun, denda tidak melebihi RM5,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Zulkifli dituduh menerbitkan berita berunsur hasutan itu di No 28A, Jalan Pahang Barat, off Jalan Pahang, Kuala Lumpur manakala Chea didakwa mencetak berita yang sama di Lot 9, Jalan 51A/243, Petaling Jaya, Selangor.

Artikel itu antara lain mengandungi perenggan berbunyi: "Adalah memalukan bahawa elemen-elemen dalam pasukan polis, pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad dan konco-konconya, ujar beliau."

Hakim Abdul Karim Abdul Jalil membenarkan Zulkifli diikat jamin sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan lima hari mulai 22 Mei ini untuk perbicaraan kes itu.

Chea, dari Jalan Klang Lama juga dibenarkan diikat jamin dengan jumlah yang sama oleh Hakim Wan Afrah Wan Ibrahim.

Kedua-dua mereka membayar ikat jamin itu. Pengarah Urusan Harakah Datuk Hishamuddin Yahya membayar ikat jamin bagi Zulkifli.

Sementara itu, Mahkamah Sesyen Petaling Jaya menetapkan 31 Jan ini untuk sebutan semula kes Chea setelah membenarkan permohonan Timbalan Pendakwa Raya Shamsul Sulaiman dengan alasan pihaknya mahu memindahkan kes itu ke mahkamah Kuala Lumpur.

Kes itu dipindahkan dipercayai untuk dibicarakan bersama dengan kes Zulkifli.

Chea diwakili peguam Gan Khong Aik.

Zulkifli dari Kampung Changkat, Gombak di sini, pula diwakili oleh Aimi Zaini dan P. Uthayakummar manakala pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya Tun Abdul Majid Tun Hamzah.

Zulkifli yang memakai baju kemeja hijau muda kelihatan tenang ketika pertuduhan dibacakan.

Mahkamah di mana Zulkifli dihadapkan dipenuhi dengan wartawan tempatan dan asing serta penyokong-penyokong Zulkifli dan anggota PAS termasuk Dr Hatta Ramli, Naib Ketua Pemuda PAS, Salahuddin Mohamed Ayob.

Terdahulu, Tun Abdul Majid memohon mahkamah membenarkan Zulkifli diikat jamin sebanyak RM50,000 tetapi Aimi memohon mahkamah mengurangkan jaminan itu kepada RM3,000 memandangkan jumlah yang dicadangkan itu memprejudiskan Zulkifli.

Katanya, Zulkifli telah bekerjasama dengan polis dan telah dengan sukarela menyerahkan diri kepada polis.

Mahkamah membenarkan Zulkifli diikat jamin sebanyak RM5,000.

-- BERNAMA

JA PK PR